

**PENOLAKAN BRUNEI TERHADAP GAGASAN
MALAYSIA, 1961 - 1963**

DIYAODIN BIN HJ. SHAARI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2019

**PENOLAKAN BRUNEI TERHADAP GAGASAN
MALAYSIA, 1961-1963**

oleh

DIYAODIN BIN HJ. SHAARI

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Ogos 2019

PENGHARGAAN

Dengan penuh kesyukuran kepada Allah SWT yang melimpahkan rahmat dan kurnianya sehingga memberikan semangat, keyakinan dan kekuatan kepada saya untuk menyiapkan penulisan ini. Setinggi-tinggi pujian dan terima kasih ditujukan kepada Penyelia utama Dr. Low Choo Chin, Penyelia bersama Dr. Mohamad Muzammil Mohamad Noor dan semua pensyarah sejarah PPPJJ yang telah memberikan bimbingan, tunjuk ajar, teguran dan nasihat yang amat berguna kepada saya untuk merealisasikan penulisan ini. Saya sedar bahawa tidak ada jalan pintas di dalam melaksanakan penulisan ini kecuali menurut kaedah sebenar walaupun terpaksa merasai pahit getirnya.

Tidak lupa juga penghargaan ini saya tujukan kepada keluarga tercinta, isteri saya Hazizam, anak-anak iaitu Syahmi Yusri, Mohamad ‘Aizat dan menantu saya Siti Sara Binti Shahabudin, yang saya kira sebagai suatu sokongan dan dorongan dari kalian semua yang memberi ketenangan kepada saya semasa penulisan ini dijalankan tanpa sebarang gangguan, kerana kalian semua ialah sumber ilham yang memberikan cahaya yang bersinar di atas segunung harapan.

Sekalung terima kasih saya berikan kepada Pengarah Bahagian Pengurusan, Penyelidikan dan Dokumentasi Arkib Negara Kuala Lumpur, Puan Samariah Binti Md. Ali yang membantu saya untuk mendapatkan maklumat penulisan ini. Begitu juga kepada Encik Ahmad Akmal Bin Burhan dan Encik Zamberi Bin Shafie, Pembantu Arkib Negara, Cawangan Kedah yang telah memberikan ruang dan peluang kepada saya untuk mendapatkan maklumat yang berkesan dan sekaligus dapat menjayakan penyelidikan ini.

Saya juga sangat berbesar hati dan berterima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah iaitu Encik Shahizan Affandi Bin Zakaria dan juga daripada kakitangan Unit Koleksi Kedah, Encik Wan Mohd. Helmi Nizam Bin Wan Salim. Jasa saudara-saudara akan saya kenang sehingga bila-bila.

Begitu juga tidak lupa saya mengucapkan terima kasih kepada Encik Rabbani Bin Idris dan Encik Suhaimi Bin Ahmad, Pembantu Perpustakaan Awam Jitra, Kedah yang telah membuka jalan kemudahan kepada saya untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan.

Akhir sekali saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih saya di atas kerjasama semua pihak yang telah memberikan pandangan untuk menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Sesungguhnya jasa kalian pasti di dalam ingatan.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	x
SENARAI GAMBAR	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xv

BAB 1 PENGENALAN

1.0 Latar Belakang.....	1
1.1 Objektif Kajian.....	7
1.2 Skop Kajian.....	8
1.3 Pendekatan dan Kaedah Kajian.....	10
1.3.1 Kajian Kepustakaan.....	11
1.4 Sorotan Literatur.....	13
1.5 Kepentingan Kajian.....	30
1.6 Pembahagian Bab.....	34

BAB 2 SEJARAH AWAL BRUNEI SEBELUM GAGASAN MALAYSIA

2.0 Pengenalan.....	38
2.1 Sistem Pemerintahan Monarki Brunei Sebelum British.....	39

2.2	Perlembagaan Brunei di bawah British.....	44
2.2.1	Perjanjian untuk Menghapuskan Rompakan, Lanun dan Penjualan Hamba.....	45
2.2.2	Mewujudkan Taraf Negeri Brunei sebagai Negeri Naungan.....	46
2.2.3	Corak Pemerintahan Residen British.....	47
2.2.4	Perjanjian yang Melahirkan Perlembagaan Negeri Brunei tahun 1959.....	47
2.2.5	Ke Arah Pemerintahan Sendiri.....	48
2.2.6	Taraf Negeri Brunei yang Merdeka dan Berdaulat.....	48
2.3	Perlembagaan 1959.....	49
2.3.1	Majlis Mesyuarat Negeri.....	52
2.3.2	Majlis Mesyuarat Kerajaan.....	53
2.3.3	Mahkamah.....	53
2.4	Usaha Penyatuan Politik Awal oleh British dan De-kolonisasi.....	55
2.4.1	Perlunya Brunei Memasuki Penubuhan Malaysia.....	64
2.5	Perlembagaan Bertulis Brunei yang Pertama.....	76
2.6	Rancangan PRB dan Britain Tidak Selari.....	79
2.7	Idea Penyatuan Awal aan Penolakan yang Berterusan dari Sultan Brunei.....	82
2.8	Kesimpulan.....	86

BAB 3 PERKEMBANGAN POLITIK BRUNEI DAN PERUNDINGAN AWAL

3.0	Pengenalan.....	89
3.1	Cadangan Penubuhan Malaysia dan Reaksi.....	91

3.2	Brunei dan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia.....	97
3.2.1	Memorandum kepada Kerajaan British.....	112
3.2.2	Suruhanjaya Cobbold.....	114
3.3	Bermulanya Kebangkitan Politik Brunei dan Malaysia.....	116
3.4.	Kesimpulan.....	127

BAB 4 JAWATANKUASA SURUHANJAYA BRUNEI

4.0	Pengenalan.....	129
4.1	Fungsi Jawatankuasa Suruhanjaya Brunei.....	131
4.1.1.	Perbandingan di antara dua Suruhanjaya.....	132
4.1.2.	Ulasan Teks Titah Ucapan Sultan Brunei.....	137
4.2	Pandangan Sultan Brunei.....	140
4.2.1.	Jawatankuasa Antara Pemerintah Persekutuan Tanah Melayu-Brunei.....	146
4.3	Pendirian PRB dalam Hubungan Malaysia dan Brunei.....	149
4.3.1.	Menyebarluaskan Pamflet dan Risalah.....	153
4.3.2.	Brunei Menjelang Pilihanraya 1962.....	154
4.3.3.	PRB Menang Besar dalam Pilihanraya.....	155
4.3.4.	Reaksi Filipina ke atas PRB.....	158
4.3.5.	Ke Arah Pemberontakan Brunei di bawah A.M. Azahari.....	158
4.3.6.	Pemberontakan Dirancang untuk Mengelakkan Kuasa Brunei – Kelemahan A.M.Azahari.....	159
4.3.7.	Perhubungan A.M. Azahari dengan Filipina.....	164
4.4.	Pemberontakan Brunei.....	169
4.4.1.	Kemuncak Pemberontakan.....	172

4.4.2.	Khabar Angin Menjadi Kenyataan.....	177
4.4.3.	Rentetan Sultan Brunei Menghadapi Pemberontakan.....	181
4.5.	Pendirian Sultan Terhadap Pemberontakan Brunei.....	182
4.5.1.	Kegagalan Mencapai Kesepakatan.....	184
4.5.2.	Titah Sultan Brunei kepada Rakyat Brunei.....	193
4.5.3.	Penyesuaian Undang-Undang daripada Perlembagaan 1959.....	194
4.6.	Kesimpulan.....	195

BAB 5 PENOLAKAN BRUNEI DAN PENDIRIAN SULTAN

5.0	Pengenalan.....	197
5.1	Brunei Tidak Menandatangani Perjanjian Malaysia pada 6 Julai 1963.....	199
5.1.1	Rundingan London.....	208
5.1.2	Pandangan Pemimpin Parti Politik Brunei.....	218
5.1.3	Perundingan yang Tidak Mempunyai Kata Sepakat.....	219
5.1.4	Permulaan Keretakan Perundingan.....	226
5.1.5	Tempoh 48 Jam merupakan “Tawaran Terakhir”	229
5.1.6	Minyak merupakan Faktor Penting Penolakan	234
5.2	Peruntukan Sekiranya Brunei Mungkir dalam Tempoh 10 Tahun Pertama.....	242
5.2.1	Sumber Pendapatan Baru (Termasuk Telaga Minyak Baharu) Tersedia Dalam Tempoh 10 Tahun Pertama.....	243
5.2.2	Semakan ke atas Hasil Minyak Selepas 10 Tahun.....	244
5.2.3	Lombong dan Galian selain daripada Minyak.....	244
5.2.4	Faktor Kedudukan Sultan.....	247

5.3	Kesan Penolakan kepada Konsep Malaysia.....	252
5.3.1	Persoalan Baik dan Buruknya Menyertai Penubuhan Malaysia.....	253
5.3.2	Hubungan yang mula Rengang: Tuntutan Limbang.....	254
5.3.3	Dasar Masa Hadapan Brunei.....	262
5.4	Rundingan Brunei dan Kuala Lumpur dan Rancangan Malaysia.....	264
5.4.1	Pengeluaran Mata Wang.....	270
5.4.2.	Rundingan Kewangan: Minit Mesyuarat Pertama, Misi Lintott....	271
5.4.3.	Brunei Dalam Tekanan Ekonomi Dan Politik.....	272
5.5.	Perkembangan Politik dan Perlembagaan Brunei Selepas Penolakan.....	274
5.5.1.	Hubungan Brunei Malaysia adalah Hubungan Luar Negeri.....	282
5.5.2.	Kemerdekaan Brunei.....	286
5.6.	Kesimpulan.....	288
BAB 6 PENUTUP.....		290
BIBLIOGRAFI		298

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 4.1	Akaun Persekutuan di Brunei.....	238
------------	----------------------------------	-----

SENARAI GAMBAR

Muka Surat

Gambar 3.1	Tunku Abdul Rahman sedang berucap semasa mengutarakan rancangan Malaysia di Singapura, 27 Mei 1961	92
Gambar 3.2	Ketibaan Sultan Brunei dan Raja Isteri yang disambut oleh Tunku Abdul Rahman, 31 Januari 1963	105
Gambar 3.3	Perundingan Malaysia: Sidang Akhbar dengan delegasi Brunei, Penasihat undang-undang kepada delegasi Brunei, Dato' Neil Lawson, Q.C, Kuala Lumpur, 7 Februari 1963.....	106
Gambar 3.4	Ketibaan ahli-ahli Parlimen Brunei untuk satu sesi perbincangan dua hari mengenai Malaysia dengan Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan pemimpin Persekutuan yang lain, 19 Februari 1963.....	106
Gambar 3.5	Lima ahli Parti Perikatan Brunei berbincang mengenai rundingan Malaysia dengan Perdana Menteri dan pemimpin Persekutuan yang lain dibilik gerakan kementerian pembangunan luar Bandar, 20 Februari 1963.....	107
Gambar 3.6	Ali-ahli Perikatan Brunei berbincang mengenai rundingan Malaysia dengan Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di residensi, Kuala Lumpur, 22 Februari 1963.....	107
Gambar 3.7	Delegasi Parti Perikatan Brunei disambut oleh pembantu utama Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Kuala Lumpur, 2 April 1963.....	108
Gambar 4.1	Setiausaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Mr. C.V. Norasimham berbincang dengan Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di residensi, Kuala Lumpur pada 26 April 1963.....	215

SENARAI SINGKATAN

ASA	<i>Association of Southeast Asia</i>
BMTA	<i>Brunei Malays Teachers Association</i>
BNO	<i>Brunei National Organisation</i>
BEDB	<i>Brunei Economic Development Board</i>
DUN	Dewan Undangan Negeri
IGC	<i>Inter – Government Committee.</i>
JSB	Jawatankuasa Suruhanjaya Brunei
MCA	<i>Malayan Chinese Association</i>
MIC	<i>Malayan Indian Congres</i>
MIB	Melayu Islam Beraja
MSCC	<i>Malaysia Solidarity Consultative Committee</i>
NKKU	Negara Kesatuan Kalimantan Utara
PAS	Parti Islam Setanah Melayu
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PBB	Parti Bersatu Brunei
PRB	Parti Rakyat Brunei
PTM	Persekutuan Tanah Melayu
PKI	Parti Komunis Indonesia
SUPP	<i>Sarawak United People's Party</i>
SPA	<i>Singapore People's Alliance</i>
TNBU	Tentera National Borneo Utara
TNKU	Tentera National Kalimantan Utara
UMNO	<i>United Malays National Organisation</i>

PENOLAKAN BRUNEI TERHADAP GAGASAN MALAYSIA,

1961-1963

ABSTRAK

Negeri Brunei sejak dari awal lagi tidak bersetuju dengan rancangan British untuk menyatukan Brunei, Sarawak dan Sabah, kerana dasar ini hanya bertujuan untuk meringankan kewangan British seperti mana yang berlaku ke atas Negeri-Negeri Melayu Besekutu pada tahun 1896 yang digunakan untuk menyelesaikan masalah kewangan negeri-negeri yang kurang maju. Idea Malaysia telah dibangkitkan oleh Tunku Abdul Rahman di Singapura pada 21 Mei 1961. Melalui perundingan yang dijalankan, Malaysia telah ditubuhkan dengan rasminya pada 16 September 1963 tanpa Brunei kerana permohonan Brunei untuk mengawal hasil minyak negeri tersebut untuk selama-lamanya ditolak oleh kerajaan Persekutuan yang memberikan syarat iaitu Brunei cuma boleh berkuasa ke atas hasil minyak mereka untuk tempoh 10 tahun sahaja setelah menyertai Malaysia. Selain daripada itu, kerajaan Persekutuan meminta supaya Brunei mempertimbangkan penemuan telaga minyak yang baharu agar ianya menjadi hak milik Persekutuan, tetapi tidak dipersetujui oleh Brunei. Pendirian Brunei ini telah disokong oleh kerajaan British berdasarkan Perlembagaan 1959. Terdapat empat objektif utama kajian ini. Pertama, membincangkan perkembangan politik dan perlembagaan Brunei sebelum gagasan Malaysia. Kedua, meneliti peranan Suruhanjaya Brunei dalam rundingan-rundingan penubuhan Malaysia yang dijalankan dalam tempoh 1961-1963. Ketiga, mengkaji sebab-sebab Sultan Brunei menolak cadangan penubuhan Malaysia. Keempat, membincang kesan pemberontakan Brunei 1962 terhadap pendirian Sultan

Brunei. Untuk mencapai keseluruhan objektif di atas, tesis ini menggunakan sumber pertama dan sumber kedua daripada kajian kepustakaan. Sumber utama yang digunakan termasuklah sumber arkib, dokumen rasmi kerajaan Persekutuan, Minit Mesyuarat Suruhanjaya Brunei dan Parti Rakyat Brunei, memo dan telegram British, perbahasan parlimen, akhbar *Pelita Brunei*, dan kenyataan rasmi akhbar yang dikeluarkan oleh kementerian-kementerian berkaitan. Penulisan tesis ini adalah penting untuk didokumentasikan, sebab ia membicarakan tentang pendirian Sultan Brunei terhadap penubuhan Malaysia dan seterusnya mengenai penolakan Brunei terhadap gagasan Malaysia.

BRUNEI'S REJECTION OF THE MALAYAN PLAN,

1961-1963

ABSTRACT

The Brunei state from the beginning did not agree with the British plan to unite Brunei, Sarawak and North Borneo, as this policy was only intended to alleviate the British financial issue as was the case with the Federated Malay State in 1896 which was initiated to solve the financial problems of the poor state. The Malaysian concept was proposed by Tunku Abdul Rahman in Singapore on 21 May 1961. Through the negotiations conducted, Malaysia was officially established on 16 September 1963 without Brunei as Brunei's request to control the state's oil revenue was permanently rejected by the federal government which provided that Brunei was only allowed to control its oil revenue for a period of 10 years after joining Malaysia. In addition, the federal government requested Brunei to consider the discovery of new oil wells to be owned by the federation, but it was not approved by Brunei. Brunei's stand was supported by the British government under the 1959 constitution. There are four main objectives of this study. First, to discuss Brunei's political and constitutional developments before the idea of Malaysia. Second, to examine the role of the Brunei Commission on the establishment of Malaysia during the period of 1961-1963. Third, to examine the reasons why Sultan Brunei rejected Malaysia's proposal. Fourth, to discuss the effects of the 1962 Brunei Rebellion on Sultan Brunei's stand. To achieve the above objectives, this thesis uses primary and secondary sources available from library research. The primary sources used include archival materials, official documents of the

federal government, minutes of meeting's of the commission of Brunei and the People's Party of Brunei, British memos and telegram, parliamentary debates, *Pelita Brunei* newspapers, and press releases issued by ministries. This study is important because it analyses the position of Sultan Brunei on the formation of Malaysia.

BAB SATU

PENGENALAN

1.0. LATAR BELAKANG

Penulisan tesis ini adalah mengenai sejarah penolakan Brunei terhadap gagasan Malaysia sekitar tahun 1961 – 1963. Cadangan penggabungan negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu, Singapura dan wilayah-wilayah Borneo British (Sabah, Sarawak dan Brunei) bermula dari pengumuman Tunku Abdul Rahman dalam persidangan wartawan-wartawan luar negeri Asia Tenggara di Hotel Adelphi Singapura pada 21 Mei 1961.¹ Ucapan ini dianggap sebagai bermulanya segala usaha ke arah merealisasikan cadangan pembentukan Persekutuan Malaysia yang pertama kali diumumkan secara terbuka oleh Tunku Abdul Rahman yang telah dijalankan sehingga berakhit dengan penolakan Brunei untuk menyertai Malaysia. Walaupun Persekutuan Malaysia dirasmikan pada 16 September 1963 tanpa negeri Brunei tetapi pemimpin-pemimpin Brunei dan Persekutuan sebelum itu telah melalui liku-liku perjalanan yang sukar dalam setiap perundingan yang diadakan. Misalnya berlakunya pemberontakan Brunei pada 8 Disember 1962 yang dilancarkan oleh Parti Rakyat Brunei (PRB) di bawah pimpinan A.M. Azahari kerana tidak sehaluan dengan Sultan Omar Ali Saifuddien (Sultan Brunei) yang bersetuju pada dasarnya pertubuhan Malaysia dalam ertikata negeri Brunei akan mendapat kemerdekaan bersama-sama dengan negeri anggota Malaysia yang lain seperti Sabah, Sarawak dan Singapura.² Ketidaksetujuan PRB juga kerana beranggapan pihak Persekutuan akan menghisap hasil ekonomi negeri Brunei dan ini seolah-olah pihak

¹ Azmah Abdul Manaf, *Kemunculan Malaysia Modern*, (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2013), hlm.99.

² Sabihah Osman, Mohamad Hadi Abdullah dan Sabullah Haji Hakip, *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), hlm.141.

Persekutuan akan menjajah negeri Brunei untuk kepentingan diri sendiri. Sebaliknya PRB mempunyai rancangan tersendiri untuk memerdekaan negeri di wilayah Borneo British dan menubuhkan Negara Kesatuan Kalimantan Utara (NKKU) terlebih dahulu dan selepas itu barulah akan memikirkan tentang Malaysia. PRB telah menggariskan hasratnya melalui manifesto parti tersebut. Di antaranya ialah meletakkan Sultan Brunei di atas takhta kerajaan untuk memerintah kesatuan tersebut, tetapi Sultan Brunei menganggapnya sebagai perbuatan memberontak yang didalangi oleh Ketua Tentera National Kalimantan Utara (TNKU) yang bertujuan merampas kerajaan Brunei.³ Sultan Brunei mengambil langkah berhati-hati terhadap rancangan ini iaitu tidak bersetuju menerima rancangan Malaysia serta merta. Akhirnya Sultan Brunei menolak rancangan Malaysia kerana mahu menjaga kedudukan sultan dan juga kesultanan Brunei. Semasa cadangan penubuhan Malaysia diusulkan, negeri Brunei telah menuju kepada satu aras kemajuan pembangunan yang pesat sehingga Sultan Brunei digelar “*Akitek Brunei Moden.*”⁴

Sebenarnya, cadangan pembentukan penubuhan Malaysia ini telah lama dicadangkan oleh pemerintah British iaitu sebelum Perang Dunia Kedua lagi (1939-1945). Dengan lain perkataan, ia dicadangkan sebelum Tunku Abdul Rahman mengumumkannya di Singapura, tetapi cadangan ini hanya tinggal cadangan sahaja, kerana hal ini adalah merupakan idea British untuk mengekalkan dan mengukuhkan kedudukan pengaruh mereka daripada persaingan kuasa barat yang lain. Jelasnya, perkara ini merupakan satu arahan daripada kerajaan British kepada pesuruhjayanya di

³ Nani Suryani Haji Abu Bakar, “Brunei and the British Decolonisation Policy, 1950 – 1966” *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, 2, no. 2 (2014), hlm.123.

⁴ Mohd. Jamil Al-Sufri. *Tarsilah Brunei: sejarah awal dan perkembangan Islam*, (Brunei: Jabatan Pusat Sejarah, Kementeriaan Kebudayaan, Beliau dan Sukan, 1990), hlm.30.

Asia Tenggara supaya menyelaraskan dasar pentadbiran negeri-negeri yang dikuasai oleh British. Sultan Brunei sangat tidak berminat dengan sebarang bentuk penyatuan pada ketiga-tiga wilayah Borneo British ini. Hal ini disebabkan menurut baginda, semua bentuk penyatuan itu akan menenggelamkan kedudukan politik, ekonomi dan sosial Brunei.⁵ Selain daripada itu, prinsip Sultan Brunei pula amat prihatin kepada rakyatnya iaitu setiap tindakan yang dijalankan mestilah dapat menentukan masa hadapan rakyat dan negeri Brunei keseluruhannya. Sikap ini mencerminkan tanggungjawab yang diwarisi oleh Sultan Omar Ali Saifuddien sehingga membawa kepada era penubuhan Malaysia.

Perlu diingatkan bahawa pada tahun-tahun sebelum Perang Dunia Kedua, pihak British mempunyai kepentingan ke atas cadangan penggabungan pada masa itu kerana bertujuan untuk menyelesaikan masalah kewangan pada negeri-negeri jajahan mereka. Perkara ini samalah seperti yang dialami oleh negeri-negeri Melayu Bersekutu yang diwujudkan pada tahun 1896 yang juga bertujuan untuk menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi oleh negeri-negeri yang miskin, contohnya negeri Pahang mendapat bantuan daripada pengagihan pendapatan daripada negeri yang kaya seperti negeri Perak. Memandangkan perkara ini adalah bertujuan untuk membantu menyelesaikan masalah kewangan British, manakala Sultan Brunei pula tidak setuju untuk membahagi-bahagikan hasil minyak Brunei kepada negara-negara jiran yang miskin. Maka nampak benarlah akan sikap sultan yang tidak setuju dengan penggabungan ini dan di dalam masa yang sama telah menolak permohonan penubuhan Parti Rakyat Brunei. Parti ini telah menggariskan isi manifestonya untuk

⁵ Sabihah Osman, Mohamad Hadi Abdullah dan Sabullah Haji Hakip, *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*, hlm.141.

menggabungkan wilayah-wilayah Borneo British untuk dijadikan Negeri-Negeri Kesatuan Kalimantan Utara (NKKU), walaupun di antara manifestonya ada juga menyatakan hendak meletakkan Sultan Brunei di atas takhta kerajaan bagi memerintah kesatuan tersebut.⁶

Sebelum Brunei dinaungi oleh British, pemerintahan negeri Brunei adalah berkonsepkan Melayu Islam. Sejarah membuktikan bahawa alam Melayu telah menerima ajaran Islam sekitar TM 1200 yang dibawa oleh orang Arab berdasarkan kepada batu nisan yang dijumpai di Sumatera, Jawa dan Kemboja. Kenyataan ini diperkuatkan lagi dengan terjumpanya batu bersurat di Kuala Berang Terengganu pada TH 702 bersamaan TM 1302 yang membuktikan bahawa raja Brunei pertama iaitu Awang Alak Betatar telah memeluk Islam. Setelah memeluk Islam namanya ditukarkan kepada nama Sultan Muhammad Shah. Peristiwa ini berlaku ketika jatuhnya kerajaan Majapahit pada TM 1368. Oleh yang demikian dapatlah dibuat kesimpulan bahawa raja Brunei menerima Islam setelah jatuhnya kerajaan Majapahit. Permohonan Brunei untuk mendapatkan naungan British ialah pada tahun 1888 dengan satu perjanjian pada tahun tersebut tetapi telah diganti dengan perjanjian yang baru pada tahun 1905.⁷

Selepas Perang Dunia Kedua (1945), pihak British telah memperkenalkan satu dasar dekolonisasi untuk menyatukan negeri-negeri Brunei, Sabah dan Sarawak dengan memberikan kemerdekaan kepada negeri-negeri ini terlebih dahulu sebelum digabungkan dengan Persekutuan Tanah Melayu. Walau bagaimanapun pihak Brunei tidak yakin dengan rancangan British ini kerana ia akan menjaskan status protektorat

⁶ Ibid., hlm. 141.

⁷ Kerajaan Negeri Brunei Darussalam, *Brunei Berdaulat*, (Singapore: Federal Publications Pte Ltd, 1984), hlm. 63-67.

Brunei (negeri di bawah naungan) dan negeri Brunei sebagai negara Islam. Perjuangan untuk mempertahankan negeri Brunei daripada mendapat tekanan daripada dasar yang diperkenalkan oleh British ini berjalan sehinggalah sampai kepada pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddien (1950-1967) yang berjaya memperolehi Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei 1959.⁸

Di dalam perundingan yang diadakan, kedua-dua pihak begitu sukar untuk melunasi isu-isu sensitif yang amat mudah mengundang kepada keretakan perundingan. Sebagai contohnya, pihak Persekutuan meminta sumbangan \$40 juta kepada Brunei sebagai perbelanjaan di dalam tempoh sepuluh tahun pertama Brunei berada di dalam pertubuhan Malaysia. Sebelum pihak Brunei dapat mengenalpasti jenis bayaran tersebut, pihak Persekutuan telah meminta bayaran tambahan kepada Brunei daripada \$40 juta kepada \$60 juta setahun yang telah menimbulkan kemarahan Brunei. Bahang kemarahan ini telah ditambah pula dengan satu usul yang dibawa oleh Menteri Kewangan Persekutuan iaitu mengenai kedudukan hasil minyak Brunei selepas sepuluh tahun berada di dalam pertubuhan Malaysia, kerana selepas tempohan tersebut hasil minyak akan dikuasai oleh pihak Persekutuan.⁹ Sebenarnya isu minyak adalah faktor penting sebagai faktor utama yang menyebabkan kebuntuan perundingan antara kedua-dua pihak.¹⁰ Sehubungan dengan itu pihak British telah berjaya mempengaruhi Brunei agar menolak gagasan Malaysia.¹¹ Menurut satu punca yang boleh dipercayai, pada ketika Sultan Brunei terpaksa membuat kata putus, Penasihat Undang-Undangnya, Neil

⁸ Nani Suryani, “Brunei and the British Decolonisation Policy, 1950 – 1966”, hlm. 125.

⁹ Sabihah Osman, Mohamad Hadi Abdullah dan Sabullah Haji Hakip, *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*, hlm.141.

¹⁰ Ibid., hlm. 141.

¹¹ Ibid., hlm. 141.

Lawson, telah menasihati baginda supaya jangan memasuki Malaysia.¹² Justeru pihak Brunei tidak menandatangani Perjanjian Malaysia yang diadakan pada 9 Julai 1963 seperti negeri lain iaitu Sabah, Sarawak dan Singapura.

Terdapat tiga sebab utama pihak Brunei membuat keputusan penolakan daripada menyertai Malaysia. Pertamanya ialah kerana tidak ada hubungan baik di antara pegawai-pegawai daripada Tanah Melayu yang berkhidmat di Brunei. Sebab kedua ialah pihak Brunei dan Persekutuan tidak mendapat persetujuan mengenai hasil minyak Brunei. Sebab ketiganya ialah mengenai kedudukan Sultan Brunei di dalam susunan giliran Yang di-Pertuan Agong. Sultan Brunei meminta supaya dipercepatkan giliran tersebut memandangkan faktor usia baginda, tetapi tidak dilayan oleh Majlis Raja-Raja. Walau bagaimanapun persidangan-persidangan yang diadakan telah sampai kepada persidangan yang akhir iaitu pada 9 Julai 1963, yang mana pihak Brunei tidak menandatangani perjanjian Malaysia seperti negara-negara anggota yang lain iaitu Sabah, Sarawak dan Singapura.¹³

Keputusan yang diambil Brunei itu telah menimbulkan suasana yang agak keruh dengan Malaysia, iaitu tidak sepertimana sebelum keputusan penolakan dibuat. Pihak Persekutuan telah menarik balik pegawai-pegawai yang telah dipinjamkan kepada Brunei. Keadaan ini telah menyebabkan Sultan Brunei telah membuat perjanjian dengan United Kingdom untuk mengisi jawatan yang dikosongkan oleh pegawai-pegawai dari Persekutuan dalam bidang pentadbiran kerajaan. Perkara ini merupakan satu tekanan kepada pihak Brunei. Sultan Brunei telah bertindakbalas dengan menyuarakan

¹² Mohamad Abu Bakar, “Politik Brunei Menjelang Penubuhan Malaysia,” *Malaysia dari Segi Sejarah*, 10 (1981), hlm. 141.

¹³ Chamil Wariya, *Malaysia: Asas Pembinaan Negara Bangsa, Institusi Pemerintahan, Lambang Kebangsaan* (Kuala Lumpur: Media Global Matrix, 2010), hlm.27.

tuntutannya ke atas Limbang, tetapi tidak mendapat reaksi daripada kerajaan Malaysia.¹⁴ Brunei mempunyai kedutaan besarnya di Kuala Lumpur dan Malaysia juga mempunyai kedutaan besar Malaysia di Bandar Seri Begawan. Walaupun terdapat pertikaian mengenai daerah Limbang tetapi masalah ini telah dapat diselesaikan dengan termeterainya satu perjanjian tahun 2009 yang menetapkan sempadan daerah tersebut adalah berdasarkan kepada prinsip legeh untuk menyambungkan sempadan yang terpisah.¹⁵

1.1 OBJEKTIF KAJIAN

1. Membincangkan perkembangan politik dan perlembagaan Brunei sebelum gagasan Malaysia.
2. Meneliti peranan Suruhanjaya Brunei dalam rundingan-rundingan penubuhan Malaysia yang dijalankan dalam tempoh 1961-1963.
3. Mengkaji sebab-sebab Sultan Brunei menolak cadangan penubuhan Malaysia.
4. Membincang kesan pemberontakan Brunei 1962 terhadap pendirian Sultan Brunei.

¹⁴ Sabihah Osman, Mohamad Hadi Abdullah dan Sabullah Haji Hakip, *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*, hlm.220.

¹⁵ The Star, “Limbang border to be set”, 20 March 2010.

1.2. SKOP KAJIAN

Penulisan ini memfokuskan kepada reaksi, faktor dan implikasi penolakan terhadap gagasan Malaysia. Antara intipati perbincangan termasuklah Perlembagaan Brunei 1959, rancangan dekolonisasi British, pemberontakan Brunei, penolakan Sultan Brunei dan perkembangan politik Brunei selepas penolakan. Penulisan ini meletakkan sejarah Brunei dalam perspektif yang lebih luas melalui rundingan penubuhan Malaysia.

Terdapat tiga isu terpilih yang mendorong kepada penolakan Brunei iaitu isu politik, ekonomi dan kedudukan sultan serta status negeri Brunei dalam Malaysia. Isu pertama ialah mengenai isu politik. Didapati pemimpin politik dan orang kenamaan Brunei memberi sokongan padu kepada Sultan Brunei kerana baginda telah menyatakan sokongan kepada penubuhan Malaysia pada dasarnya. Namun terdapat juga di antara pemimpin-pemimpin tersebut yang berpendapat bahawa kemasukan Brunei ke dalam Malaysia tidak memberi apa-apa keuntungan atau manfaat kepada rakyat Brunei yang mengharapkan nasib mereka sentiasa terbelia di dalam negeri Brunei. Begitu juga tentang kedudukan baginda sebagai pemerintah mutlak mengikut Perlembagaan negeri Brunei, yang mana sekiranya kedudukan ini dikekalkan, tentunya akan bertentangan dengan konsep demokrasi berparlimen yang diamalkan di Malaysia.

Isu kedua ialah mengenai ekonomi yang akan rugikan Brunei. Pandangan ini memang benar kerana hasil minyak sebagai sumber ekonomi utama Brunei menurut syarat-syarat penubuhan membawa erti bahawa Brunei sudah tidak mempunyai apa-apa aset lagi. Isu ketiga ialah mengenai kedudukan Sultan Brunei di dalam senarai jawatan Yang di-Pertuan Agong Malaysia. Menurut Tunku Abdul Rahman wujudnya faktor ini adalah datangnya daripada kesilapan beliau sendiri yang telah menjanjikan kepada baginda untuk memberi jawatan Yang di-Pertuan Agong. Sebenarnya Tunku

memikirkan bahawa gagasan Malaysia adalah sesuatu yang baru, maka perlembagaan tentang pemilihan sultan yang akan menjadi Yang di-Pertuan Agong juga harus diperbaharui, tetapi Majlis Mesyuarat Raja-Raja tidak membuat apa-apa pindaan ke atas perlembagaan walaupun selepas kemunculan Malaysia.

Penulisan mengenai penolakan Brunei terhadap gagasan Malaysia pada tahun 1961-1963 disesuaikan melalui sumber rujukan sejarah awal Brunei di bawah pentadbiran residen British. Pada waktu ini Sultan Omar Ali Saifuddien telah memainkan peranannya untuk mendapatkan Perlembagaan Bertulis Brunei 1959. Di samping itu baginda Sultan juga berjuang untuk mempertahankan keselamatan dan kedaulatan kesultanan mutlak Brunei yang diwarisinya supaya tidak terjejas. Brunei adalah di antara negeri-negeri Borneo British seperti Sabah dan Sarawak telah dicadangkan untuk menyertai penubuhan Malaysia. Penglibatan Brunei di dalam isu gagasan Malaysia ini telah melalui beberapa perundingan dengan pihak Persekutuan tanpa memperolehi sebarang keputusan, dan pada akhirnya Brunei telah memberikan kata penamatnya untuk tidak mahu menyertai Malaysia ketika perundingan yang diadakan di London pada 9 Julai 1963.

Sultan Brunei telah mengikuti banyak perundingan yang dijalankan dengan pihak Persekutuan. Kalaularah Sultan Brunei menerima kenyataan daripada rakyat sejak dari mula penubuhan ini disuarakan, sudah tentu pihak Brunei dapat mengecualikan negerinya daripada gagasan ini. Banyak pendapat yang mengatakan bahawa jika Sultan menerima pendirian rakyat Brunei yang tidak menyokong gagasan Malaysia, maka dengan sendirinya perundingan untuk menentukan sikap Brunei terhadap Malaysia tidak dapat diteruskan.

Satu perkara yang amat penting yang berlaku di negeri Brunei ialah mengenai pemberontakan Brunei pada 8 Disember 1962 yang dilancarkan oleh Parti Rakyat Brunei (PRB) yang diketuai oleh A.M. Azahari. PRB telah membawa isu anti-Malaysia. Isu ini mempengaruhi reaksi keseluruhan rakyat Brunei terhadap gagasan Malaysia kerana didapati rakyat Brunei yang menentang gagasan Malaysia adalah lebih daripada yang menyokong. Penolakan Brunei terhadap gagasan Malaysia pada Julai 1963 adalah peristiwa sejarah yang cukup bermakna kepada politik Brunei.

Tesis ini memfokus kepada pelbagai faktor rundingan awal antara kerajaan Brunei dan Persekutuan, konflik kawalan ekonomi minyak Brunei, status Sultan Brunei, pemberontakan Brunei dan sikap dingin Sultan Brunei sendiri iaitu rancangan ini tidak akan mendatangkan manfaat dan faedah kepada rakyat dan negeri Brunei yang akhirnya membawa kepada penolakan baginda Sultan terhadap penubuhan Malaysia. Penolakan ini membawa kepada perisytiharan penubuhan Malaysia pada 16 September 1963 tanpa Brunei.

1.3. PENDEKATAN DAN KAEADAH KAJIAN

Penulisan tesis ini meneliti sejarah politik melalui pendekatan kronologi. Dengan berdasarkan dokumen rasmi kerajaan, tesis ini menghuraikan perkembangan sejarah politik Brunei menjelang gagasan Malaysia. Sumber-sumber Brunei, Malaysia dan British diperolehi melalui kajian kepustakaan yang diperolehi daripada perpustakaan dan Arkib Negara Malaysia. Semua sumber-sumber yang dimaksudkan terdiri daripada sumber pertama, sumber kedua dan lain-lain sumber yang dapat dijadikan bahan yang amat berguna kepada kajian ini, terutama sekali kerana terdapat banyak penemuan

berkaitan dengan perkembangan mengenai negeri Brunei ketika era penubuhan Malaysia.

1.3.1 Kajian Kepustakaan

Penyelidikan telah dilakukan di dua cawangan arkib iaitu Arkib Negara, cawangan Kuala Lumpur dan Arkib Negara Cawangan Kedah. Di Arkib Negara Kuala Lumpur, antara bahan sumber utama yang diperolehi termasuklah minit dan resolusi mesyuarat tidak rasmi antara wakil delegasi Brunei dengan tujuan mendapatkan resolusi awal dikemukakan kepada delegasi Persekutuan untuk perbincangan akhir. Terdapat juga kertas kabinet, minit mesyuarat antara kerajaan Brunei dan Persekutuan, minit mesyuarat kerajaan Brunei, surat-menyurat rasmi daripada Sultan Brunei, dokumen dari Kementerian Dalam Negeri Malaysia dan juga laporan perangkaan. Tinjauan perangkaan (statistik) awal yang dibuat oleh kerajaan Persekutuan ke atas kedudukan perangkaan semasa di negeri-negeri Borneo, objektif jangka panjang, cadangan perlaksanaan, kesukaran perlaksaaan, anggaran imbalan pembayaran, bayaran kastam dan bulletin dengan tujuan untuk membantu perlaksanaan dasar apabila rancangan Malaysia dilaksanakan nanti. Memorandum dari Perdana Menteri Malaysia mengenai kemasukan Brunei ke dalam Malaysia, peraturan kewangan Brunei/Malaysia, peruntukan yang dikenakan ke atas kemungkiran oleh Brunei dalam sumbangan tahunan dalam tempoh sepuluh tahun pertama, sumber pendapatan baru Brunei, semakan ke atas hasil minyak selepas sepuluh tahun, lombong dan galian selain daripada minyak, mesyuarat tidak rasmi antara kerajaan Malaysia dan Brunei serta peraturan kewangan Brunei-Malaysia.

Penyelidikan di perpustakaan dilakukan di Perpustakaan Awam Alor Setar dan Perpustakaan Awam Jitra. Di Perpustakaan Awam Alor Setar, penyelidian ini memperolehi akhbar tempatan seperti *Berita Harian* berserta dengan buku-buku yang berkaitan dengan sejarah Brunei. Begitu juga sumber-sumber yang ditulis oleh ahli-ahli politik pada masa itu, contohnya Memoir Ghazali Shafie, ada dalam koleksi Perpustakaan Awam Alor Setar. Kebanyakan buku ilmiah mengenai sejarah Brunei diperolehi daripada perpustakaan awam Jitra. Perpustakaan USM memberikan bahan sumber utama mengenai Laporan Suruhanjaya Cobbold, MSCC, dan dokumen-dokumen terpilih mengenai PRB. Antara dokumen termasuklah memorandum perlembagaan PRB, manifesto PRB, ucapan A.M. Azahari, surat-surat daripada pemimpin PRB kepada Sultan Brunei dan pernyataan A.M. Azahari kepada Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu.

Melalui kajian elektronik, sumber utama yang diperolehi termasuklah akhbar *Pelita Brunei*, dan Laporan Rasmi Parlimen Malaysia (Dewan Rakyat dan Dewan Negara). Akhbar *Pelita Brunei* merupakan antara akhbar yang paling dekat berhubung dengan suara rakyat dan memaparkan pendapat rakyat. Antara isu dibangkitkan ialah merangkumi titah Sultan Brunei terhadap penolakan rancangan Malaysia. Ia juga merangkumi laporan rasmi daripada Sultan Brunei dan juga mesyuarat berhubung dengan isu-isu semasa. Laporan rasmi Parlimen Malaysia pula diperolehi daripada laman web rasmi Parlimen Malaysia dan ia merangkumi ucapan-ucapan pemimpin negara seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan pemimpin tempatan yang lain mengenai isu penubuhan Malaysia dan kemasukan Brunei.

1.4. SOROTAN LITERATUR

Kajian ini meneliti perkembangan perundingan yang dilalui oleh kedua-dua buah negara iaitu Malaysia dan Brunei dengan memberi fokus kepada aspek perkembangan, cabaran serta usaha-usaha negeri Brunei untuk mengekalkan kedudukan kesultanan mutlak yang diwarisi sejak turun temurun dengan konsep Melayu Islam Beraja. Penyelidikan ini tidak lupa menyelitkan usaha-usaha daripada pihak British untuk menyatukan wilayah-wilayah Borneo British ini sejak sebelum Perang Dunia Kedua iaitu sebelum pengumuman daripada Tunku Abdul Rahman di Singapura. Banyak penulis yang telah mengemukakan penulisan mereka mengenai sejarah ini, masing-masingnya memberi kenyataan mengenai cadangan penubuhan ini melalui hasil penulisan mereka.

Menurut Isa Bin Ibrahim yang menulis buku “Brunei and Malaysia: Why Sultan Omar Ali Saifuddien Refused to Join the Federation” telah menegaskan bahawa penentuan baru telahpun dicapai bagi mengekalkan hubungan tentera negeri Brunei dengan Persekutuan Tanah Melayu seperti terdahulu yang diperakui oleh pihak British sendiri. Di dalam keadaan ini didapati Sultan Omar Ali Saifuddien dan Tunku Abdul Rahman telah memberikan penjelasan sebenar berkaitan dengan persoalan mengapa British begitu beria-ia benar untuk menjadikan negeri-negeri di wilayah ini sebahagian daripada persekutuan yang dicadangkan. Perkara yang menjadi jawapan kepada persoalan ini ialah sudah semestinya mengenai keseimbangan kaum seperti faktor-faktor penubuhan Malaysia iaitu yang terdiri daripada kaum Cina yang telah dipastikan melebihi daripada kaum Melayu serta mempunyai fahaman komunisme. Oleh yang demikian, percantuman ini akan memastikan setiap gejala buruk yang akan lahir kerana ketidakseimbangan kaum akan dapat dihapuskan. Negeri Brunei Darussalam merupakan

sebuah negeri berdaulat yang kaya dengan hasil minyak di Asia Tenggara. Menurut perangkaan, pendapatan dalam negeri dapat diklasifikasikan sebagai negeri yang kelima tertinggi di dunia.¹⁶ Pada tahun 1963, Brunei telah menolak untuk menyertai Malaysia. Penolakan ini merupakan suatu titik perubahan yang penting di dalam sejarah Brunei, kerana di sinilah letaknya permulaan kebangkitan negeri tersebut berasaskan kepada hasil minyaknya seiring dengan bantuan daripada pihak British.¹⁷

Selepas Perang Dunia Kedua, Sultan Omar berusaha untuk menyediakan satu perancangan untuk masa depan negeri tersebut yang dikira sebagai jawapan kepada persoalan British mengenai penyatuan politik negeri itu dan mencari jalan untuk menghalang daripada tekanan di dalam mewujudkan perubahan politik, pentadbiran British dan sultan pada tahun 1950-an dengan cara memperkenalkan sebuah perlembagaan moden yang dikenali sebagai Perlembagaan Bertulis 1959 dengan persetujuan Britain. Sebenarnya segala sistem perundangan di dalam perlembagaan tersebut boleh digunakan untuk sistem pentadbiran Negeri Brunei. Keadaan ini berterusan sehingga negeri Brunei menghadapi pemberontakan pada Disember 1962 yang dilancarkan oleh satu-satunya parti politik yang paling berkesan iaitu PRB yang akhirnya dapat dihapuskan oleh British dalam masa satu minggu.¹⁸

Cabarannya yang ditinggalkan oleh pemberontakan ini di dalam sistem pentadbiran politik Brunei pada sekitar tahun-tahun 1950-an dan 1960-an adalah merangkumi beberapa rancangan untuk masa depan Brunei. Sebagai contohnya, terdapat cadangan

¹⁶ Isa Ibrahim, *Brunei and Malaysia: Why Sultan Omar Ali Saifuddien Refused to Join the Federation* (London: I.B. Touris, 2013).

¹⁷ Ibid.

¹⁸ B. A. Hussainmiya, *Sultan Omar Ali Saifuddin III and Britain: The Making of Brunei Darussalam*. (New York: Oxford University Press, 1995).

untuk mewujudkan Persekutuan Utara Borneo Brunei dengan koloni British; Borneo Utara dan Sarawak. Walau bagaimanapun, persekutuan ini telah ditipu oleh British dan PRB. Selain daripada itu, Brunei bersetuju untuk menyertai penubuhan Malaysia dengan negeri-negeri seperti Borneo Utara, Sarawak, dan Persekutuan Tanah Melayu, tetapi telah ditolak oleh Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu Tunku Abdul Rahman dan British, kerana syarat yang diberikan oleh Brunei sekiranya menyertai Malaysia terkeluar daripada landasan penyatuan.¹⁹

Bagi sejarawan Hussainmiya, pendirian Sultan Brunei di dalam menghadapi cabaran ke atas pemerintahan negerinya secara individu di bawah naungan British ialah baginda dapat berdiri di atas kuasa autonominya yang lebih besar kerana dapat menguasaikekayaan hasil minyak milik negeri tersebut yang menjadikan negeri Brunei sebagai sebuah negeri yang terkaya di Asia Tenggara dan sesungguhnya ketegasan dan kepintaran Sultan Omar Ali Saifuddien III menangani isu seperti Persekutuan Borneo, Perlembagaan tahun 1959, isu gagasan Malaysia dan akhirnya Pemberontakan 1962, menguatkan lagi kedudukan dan tekad Brunei untuk terus hidup sebagai sebuah negara yang merdeka dan mengekalkan identitinya sebagai sebuah negara Melayu Islam beraja dengan tidak melupakan kepentingan rakyat negara tersebut.²⁰

Sabihah Osman, Muhamad Hadi Abdullah dan Sabullah Haji Hakip dalam buku mereka “Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan” menyatakan bahawa pada peringkat awal cadangan penubuhan Malaysia, memang tidak dapat dinafikan bahawa Sultan Brunei amat berminat untuk menyertai Malaysia. Sekiranya penyertaan ini berlaku sudah pasti akan mengubah sistem pentadbiran Brunei. Perkara ini sebenarnya amat

¹⁹ Ibid.

²⁰ Ibid.

tidak disukai oleh PRB, justeru berlakunya pergolakan politik yang membawa ke arena antarabangsa. Manakala konsep Gagasan Malaysia tidak sama dengan konsep yang diikuti oleh PRB iaitu konsep “Melayu Raya” yang menurut pentafsiran yang dibuat oleh Sukarno. Walau bagaimanapun PRB telah menang besar di dalam pilihanraya pada 8 Ogos 1962 iaitu dengan memenangi 54 kerusi daripada 55 kerusi yang dipertandingkan.²¹ Manakala di dalam beberapa siri perundingan yang disertai oleh kedua-dua belah pihak, Brunei akhirnya telah memberikan keputusan muktamat tidak mahu menyertai Malaysia berdasarkan kepada syarat-syarat yang diberikan oleh Persekutuan mengenai hasil minyak yang akan dikuasai oleh Persekutuan selepas Brunei menyertai penubuhan selama 10 tahun, manakala syarat-syarat yang diberikan oleh Brunei telah ditolak oleh pihak Persekutuan yang telah merasa tawar hati di atas keputusan yang tidak mempunyai kata sepakat.

Haji Mohamad Jamil Al-Safri di dalam bukunya “Liku-Liku Perjuangan Perncapaian Kemerdekaan Brunei Darussalam” yang menyatakan bahawa Sultan Brunei suka membuat pembaharuan tersendiri untuk menentukan nasib masa depan rakyat Brunei. Suara-suara akhbar di waktu itu seperti *Sarawak Tribune* telah melahirkan pandangan mereka kepada kerajaan Brunei supaya hapuskan perasaan syak wasangka Brunei kerana walaupun Sabah dan Sarawak miskin, tetapi negeri-negeri ini tidak akan mengambil kesempatan ke atas hasil kekayaan minyak mereka. Selain daripada itu menurut Sultan Brunei, sebarang penyatuan akan menukar status raja mutlak kepada

²¹ Sabihah Osman, Mohamad Hadi Abdullah dan Sabullah Haji Hakip, *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*, hlm.140.

raja berperlembagaan yang pastinya akan mengikut telunjuk Pesuruhjaya Tinggi British.²²

Md. Zain bin Hj. Serudin dalam bukunya “Brunei Darussalam Persepsi Sejarah dan Masyarakat”, memberikan pandangannya mengenai perlembagaan 1959 yang merupakan perisai negeri itu dalam menghadapi sebarang kemungkinan terutama sekali mengenai kemelut politik yang sentiasa dapat ditangani oleh Sultan Brunei. Semua perjanjian yang sebelumnya adalah untuk memberikan keamanan dan kesejahteraan kepada rakyat dan kerajaan Brunei.²³ Perjanjian-perjanjian seperti ini telah membuka kepada wujudnya Perlembagaan 1959 dan seterusnya membawa kepada kemerdekaan, tetapi dengan harapan untuk menjamin keselamatan dan ketenteraman serta kemakmuran dan kebahagian yang berkekalan kepada negara dan rakyat Brunei keseluruhannya.

Menurut Abdul Hamid Abas, Brunei mempunyai kuasa memerintah sepenuhnya dalam negeri yang meliputi kuasa undang-undang dan dasar kerajaan serta kehakiman, di bawah Perlembagaan 1959. Tetapi ia masih dianggap sebagai negeri naungan “*Protected State*” kerana hal ehwal luar negeri dan pertahanan Brunei masih menjadi tanggungjawab Britain.²⁴ Setakat ini Brunei sudah mampu dengan kekuasaan yang dimilikinya bersama Britain dan percantuman atau gabungan tidak akan memberi faedah sampingan kepada Brunei untuk menambahkan kekayaan negerinya kerana hasil minyak

²² Mohd. Jamil Al-Safri, *Liku-Liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negeri Brunei Darussalam*, (Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan, 1992), hlm. 157.

²³ Md. Zain bin Hj. Serudin, *Brunei Darussalam: Persepsi Sejarah dan Masyarakatnya* (Brunei Darussalam: Azza Publisher & Distributors, 1992), hlm. 24.

²⁴ Abdul Hamid Abas. P.M. Yusuf: *Pejuang Kebangsaan Brunei* (Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999), hlm.5.

Brunei sudah cukup untuk menjana kekayaan yang dimiliki oleh negeri itu untuk maju ke hadapan sebagai sebuah negeri terkaya di Asia Tenggara.

Ranjit Singh melalui karyanya “*Brunei 1839-1983: The Problems of Political Survival*” telah menyatakan bahawa isu-isu yang dibawa oleh PRB telah dapat memikat hati rakyat Brunei dengan meraih sokongan daripada rakyat Brunei pada ketika itu. Dalam tempoh selama sebulan sahaja, keahlian PRB telah meningkat secara mendadak iaitu daripada 19,000 kepada 26,000 orang.²⁵ Oleh yang demikian, keadaan seperti ini membuktikan bahawa usaha ke arah mencapai kemerdekaan seperti Brunei tidak mempunyai jalan pintas untuk mempercepatkannya, tetapi perlu mengambil masa yang agak lama untuk mencapainya. Walaupun negeri Brunei mempunyai cukup persediaan tetapi masih tetap menanti pada suatu waktu yang dikira sesuai bagi maksud itu. Pada masa ini Brunei cuma memenuhi setiap keadaan sepertimana di dalam isu penubuhan Malaysia kerana pendiriannya bukanlah bersatu. Jawapan di antara kedua negara sudah cukup dijadikan alasan untuk mempertahankan negerinya daripada menghadapi sebarang keadaan.

Sarjana barat, David Leake, memberikan pendapatnya bahawa salah satu faktor yang menyebabkan Sultan Brunei ragu-ragu untuk memasuki Malaysia ialah mengenai perisytiharan Perlembagaan Brunei dengan rasminya pada September 1959. Di bawah perlembagaan ini pihak British telah mengembalikan kuasa tertinggi sultan Brunei dan mengekalkan tanggungjawab untuk pertahanan, hal ehwal luar negara dan keselamatan dalaman. Pihak PRB telah terasa hati dengan perlembagaan ini dan merasa “dihina”

²⁵ Ranjit Singh, *Brunei, 1839-1983: The Problems of Political Survival* (Singapore: Oxford University Press, 1984), hlm. 159.

kerana tidak pernah diminta untuk dirundingkan bersama ketika merangka perlembagaan tersebut.²⁶

Secara perlahan Sultan Brunei telah memberikan perhatian terhadap idea Malaysia yang diumumkan oleh Tunku Abdul Rahman pada 27 Mei 1961. David Leake menegaskan bahawa Brunei dengan hanya 80,000 orang rakyatnya, tetapi mempunyai kekayaan minyak yang besar dapat mencari keamanan di negara baru yang besar.²⁷ Kebimbangan Sultan Brunei ketika itu ialah mengenai ancaman pemberontakan komunis (komunis sangat kuat di Tanah Melayu) dan begitu juga terhadap parti PRB di bawah pimpinan A.M. Azahari. Walau bagaimanapun terdapat juga perasaan anti-Malaysia yang dinyatakan dengan jelas di sesi pendengaran awam.²⁸ Sultan Brunei menghantar delegasi ke Singapura pada Februari 1962 untuk menandatangani memorandum persafahaman mengenai Malaysia. Matlamatnya adalah untuk negara baru itu diadakan pada 31 Ogos 1963.²⁹

Kemenangan parti PRB di dalam pemilihan Majlis Daerah pada bulan Ogos 1962 dilihat sebagai ujian antara Sultan dan PRB dan itu bukanlah pertandingan. Parti itu menang 32 daripada 55 kerusi tanpa bertanding dan 90 peratus pengundi terdiri daripada 6,000 undi, kalah hanya satu kerusi yang bertanding. Ini bermakna PRB memenangi 54 kerusi daripada 55 kerusi. Sebenarnya A.M. Azahari tidak bertanding di dalam pemilihan tersebut kerana beliau bukan warganegara Brunei.³⁰ A.M. Azahari sebenarnya tidak dapat menghalang gagasan Malaysia yang disokong oleh Sultan Brunei secara

²⁶ David Leake, *Brunei: The Modern Southeast-Asian Islamic Sultanate*, (Kuala Lumpur: Forum, 1990), hlm.50.

²⁷ Ibid., hlm.51.

²⁸ Ibid, hlm.51.

²⁹ Ibid, hlm.51.

³⁰Ibid, hlm.52.

perlembagaan dan ini menyebabkan parti tersebut tidak mempunyai pilihan, kecuali membuat keputusan menyerang. Pertempuran yang dilakukan oleh tentera bawah tanah PRB, iaitu Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) dan dalam masa yang sama A.M. Azahari telah mengisyiharkan dirinya sebagai Perdana Menteri negeri tersebut tanpa mendapat sokongan dari mana-mana pihak dan ini tidak langsung berdasarkan kepada kehendak rakyat yang mengakibatkan beliau mendapat sokongan yang kecil untuk memberontak pada bandar Borneo Utara, Sepitang dan daerah Sarawak seperti Limbang dan Lawas serta semua kawasan berhampiran Brunei yang mempunyai hubungan tradisional yang kuat kepada kesultanan Brunei.

Walaupun pengumuman mengenai pemberontakan itu adalah untuk mengusir British, tetapi Sultan Brunei merasakan pengumuman itu ditujukan kepada pemerintahan beliau. Pihak British telah menunaikan perjanjian perlindungan berdasarkan Perlembagaan 1959 dengan membawa Sultan dan keluarga untuk keselamatan dan menerbangkan seramai 2,000 tentera, kebanyakannya Gurkhas dari Singapura yang telah dapat menggagalkan pemberontakan yang dilancarkan oleh pihak PRB. Lebih daripada 2,000 orang yang disyaki pemberontak semuanya terdiri dariapada orang muda lelaki Melayu dan bukannya bangsawan Brunei.³¹

Menurut Mohamad Noordin Sopiee, pembentukan Malaysia adalah hasil percubaan untuk menyelesaikan “Masalah Singapura”, yang bermula dari ucapan Tunku Abdul Rahman pada 27 Mei 1961 kepada wartawan asing Asia Tenggara. Ucapan ini berdasarkan kepada satu rujukan yang dibuat oleh Tunku Abdul Rahman mengenai keperluan untuk “persatuan politik dan ekonomi” antara Sabah, Sarawak, Brunei,

³¹ Ibid., hlm.53.

Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura. Inisiatif ini juga timbul kerana bimbang terhadap masa hadapan Singapura yang mungkin akan mendapat kemerdekaan pada 1963. Pihak British tidak akan mengawal keselamatan dalaman, pertahanan dan hubungan luar negara itu lagi. Usaha penyatuan tidak perlu dibangkitkan sekiranya kerajaan Singapura dapat dipertanggungjawabkan di dalam menjaga negerinya sendiri. Kebimbangan terhadap ancaman pihak komunis dan ketidakstabilan kaum menyebabkan kemerdekaan Singapura perlu dipertimbangkan untuk diselaraskan dengan negeri-negeri yang dicadangkan untuk menjadi anggota Malaysia seperti Sabah, Sarawak dan Brunei.³²

Menurut perbincangan Tunku Abdul Rahman dan rakan sejawatnya Harold MacMillan pada pertengahan tahun 1961 di London, penubuhan Malaysia tidak perlu dipercepatkan kerana ia akan menjadi satu kesalahan tanpa persetujuan rakyat Borneo.³³ Tunku menolak perbincangan, jika berdasarkan alasan bahawa asas untuk perbincangan mengenai penubuhan Malaysia tidak wujud.³⁴ Usaha berterusan dari Tunku supaya Borneo memasuki gagasan Malaysia dilihat oleh Stephen Kalong Ningkan dan pemimpin-pemimpin lain sebagai permintaan yang mewakili British untuk menyerahkan Borneo Utara kepada Persekutuan Tanah Melayu untuk menjadikannya “Greater Malaya” bukan Malaysia. Mereka bimbang Borneo Utara akan dikuasai oleh pihak Persekutuan Tanah Melayu.³⁵ Majoriti bukan Melayu di Sabah dan Sarawak melahirkan rasa tidak puas hati mereka untuk memasuki penubuhan Malaysia kerana nama yang dicadangkan ialah Malaysia, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan Islam

³² Mohamed Noordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation: Political Unification in the Malaysia Region 1945-1965*, (Kuala Lumpur: University Malaya Press, 2005).

³³ Ibid.

³⁴ Ibid.

³⁵ Ibid.

adalah agama rasmi dan mereka yang bukan Melayu ini juga bimbang tentang diskriminasi kaum.³⁶

Penentangan terhadap penggabungan oleh rakyat Singapura ialah kebimbangan mereka terhadap keselamatan mereka. Sekiranya penggabungan dibuat pada masa rejim anti-komunis yang berkembang pesat di Kuala Lumpur bukan sahaja akan menyebabkan mereka ditekan tetapi akan menghancurkan tentera kiri revolusioner. Faktor yang dikira mungkin mempunyai motivasi yang lebih besar ialah sekiranya penggabungan dibatalkan akan terdapat keberangkalian bahawa PAP (People's Action Party) akan disingkirkan di dalam pilihanraya umum yang akan datang. Perkara ini perlu difikirkan secara terperinci oleh PAP.³⁷

Menjelang akhir tahun 1962, kempen Malaysia berhubung dengan Brunei, Sabah, Sarawak, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu berada dalam keadaan normal sahaja. Satu dasar yang dibentuk oleh Persekutuan telah dialami oleh Brunei, sebuah negara yang kecil tetapi kaya dengan minyak. Terdapat sebuah parti di negeri Brunei iaitu PRB, satu-satunya parti politik yang begitu kuat di Brunei. Sultan Brunei menentang konsep parti itu yang mahu memerdekaan Brunei tanpa British. Walau bagaimanapun konsep Brunei dan Malaysia tidak dapat dipertikaikan.³⁸

Zaini Bin Haji Ahmad, dalam hasil nukilannya “Pertumbuhan Nasionalisme di Brunei”, menyatakan bahawa tidak dapat dinafikan bahawa lingkungan perjuangan politik PRB adalah lebih luas dan besar. Tidak pernah terlintas dalam pemikiran rakyat Brunei, bahawa sebuah parti tempatan mempunyai kesanggupan untuk membawa

³⁶ Ibid.

³⁷ Ibid.

³⁸ Ibid.

tenteranya sehingga sanggup menggugat salah satu kuasa besar di dunia menerusi Proklamasi Kemerdekaan 8 Disember 1962 yang menuntut pengorbanan darah dan jiwa rakyat Brunei. Walaupun rakyat Brunei tidak pernah menyerahkan nasib kepada takdir, tetapi bukanlah sifat semula jadi orang Melayu Brunei menyelesaikan sesuatu konflik di luar meja perundingan, jauh sekali dengan pertumpahan darah dan jiwa raga, kerana di dalam kamus hidup mereka tidak mempunyai sikap penderhakaan. Peristiwa berdarah 8 Disember sungguh sukar untuk dianalisis jika tidak terkeluar dari garis panduan dan perhitungan biasa.³⁹

Pada umumnya ada dua sebab politik yang berkaitan di antara satu dengan lain. Dua sebab tersebut ialah harapan tinggi dan kehampaan. Rakyat Brunei tidak pernah mempunyai harapan tinggi, kecuali apabila British bersetuju memberikan Perlembagaan Bertulis 1959. Walaupun perlembagaan tidak lengkap sepenuhnya, tetapi ia melahirkan satu harapan yang mereka akan bebas seperti rakyat di negara-negara jiran, untuk menentukan nasib sendiri dan menikmati pemerintahan demokrasi. Walau bagaimanapun harapan ini telah punah apabila British cuba memasukkan Brunei ke dalam satu gagasan politik yang dikenali sebagai Malaysia. Nada kehampaan itu ditambah pula apabila isu Malaysia dipersetujui Sultan Brunei dan disokong oleh kerajaan dalam satu resolusi Majlis Mesyuarat Negeri yang bersidang pada Julai 1962. Kehampaan rakyat telah sampai ke kemuncaknya pada bulan Ogos 1962, apabila PRB memenangi semua kerusi yang diperlombakan.⁴⁰

³⁹ Zaini Haji Ahmad, *Pertumbuhan Nasionalisme di Brunei (1939-1962)*, (Kuala Lumpur: ZR Publications, Kuala Lumpur, 1989), hlm.206.

⁴⁰ Ibid, hlm.208.

PRB cuba menggunakan proses evolusi perlembagaan untuk menghalang kelahiran Malaysia. Beberapa usul telah dikeluarkan untuk diperdebatkan dalam Majlis Mesyuarat yang sepatutnya diadakan pada 5 Disember, malangnya mesyuarat itu dibatalkan tanpa alasan. Hampir semua usul PRB ditolak dengan alasan Majlis Mesyuarat Negeri tidak mempunyai kuasa untuk membincangkan usul-usul anti Malaysia. Besar kemungkinannya di sinilah bermulanya saat kemarahan PRB yang membawa kepada pemberontakan Brunei pada 8 Disember 1962. Dalam pada itu ada juga orang yang mengatakan bahawa revolusi 8 Disember lahir kerana kejahilan politik rakyat tradisional. Terdapat pendapat yang mengatakan pemberontakan ini mendapat sokongan rakyat tetapi bukan dengan kehendak rakyat. Selain daripada itu dapat juga diberi sebab bahawa cinta dan percaya kepada pemimpin secara membabi-butu telah mendorong rakyat Brunei menyertai revolusi.⁴¹ Tambahan pula di Brunei pada ketika itu didapati kedudukan sosialnya tidak seimbang, seperti kemunduran orang Melayu di bidang ekonomi dan pelajaran. Maka kombinasi dari faktor ini dengan sendirinya mudah melemahkan ketahanan negara, sekalipun ancaman dari luar itu amat minimum.⁴²

James P.Ongkili dalam bukunya “*The Brunei Response to Malaysia, 1961-1963*” meneliti proses perundingan yang dinamik antara semua negeri yang terlibat. Dalam mesyuarat di London pada Julai 1962 di antara kerajaan British dan Perdana Menteri Persekutuan, kedua-dua kerajaan telah mengeluarkan satu pernyataan awam bersama pada 1 Ogos 1962 yang menyatakan bahawa Suruhanjaya Cobbold bersetuju bahawa Persekutuan Malaysia adalah untuk kepentingan terbaik Borneo Utara dan Sarawak, dan

⁴¹ Ibid., hlm.209.

⁴² Ibid., hlm.211.